

30/10/1998

Pemaju wajib bina rumah kos rendah

KUALA LUMPUR, Khamis - Semua pemaju akan diwajibkan membina perumahan kos rendah menggunakan konsep pasang siap yang sudah ditetapkan saiz dan ruangnya oleh kerajaan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang menyiapkan satu kertas cadangan berhubung pelaksanaan projek perumahan itu secara seragam dan ia akan dikemukakan kepada Kabinet tidak lama lagi.

Selain penyeragaman, objektif cadangan itu bertujuan mengurangkan tenaga kerja yang kebanyakan warga asing dan sesuai dengan langkah kerajaan menghantar pulang golongan terbabit.

Timbalan Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azmi Khalid, berkata pihaknya sedang merangka kertas kerja yang dijangka siap dalam tempoh terdekat.

"Mengikut cadangan itu, kita akan menetapkan keluasan atau saiz bagi sesebuah rumah dan memberi peluang kepada pihak swasta memperolehi keuntungan.

"Ini kerana pengkhususan kilang akan dilaksanakan bagi memudahkan pemaju membuat tempahan menyediakan kediaman kepada pelanggan mereka," katanya kepada Berita Harian di sini.

Menurutnya, oleh kerana pemasangan rumah mengikut konsep konvensional memerlukan masa panjang, alternatif paling baik ialah dengan memperkenalkan sistem binaan konkrit pasang siap yang seragam.

"Antara kelebihan yang boleh dimiliki termasuk menjimatkan kos dan tidak perlu menggunakan ramai buruh. Proses pemasangannya pula boleh dilakukan oleh buruh kurang mahir," katanya.

Keperluan rumah kos rendah di negara ini terus memuncak dan pelbagai usaha giat dijalankan untuk memastikan pengguna dapat memiliki sebuah rumah yang bukan saja murah tapi selesa.

Azmi berkata, sebagai contoh bagi projek perumahan pasang siap, pengkhususan kilang membuat pintu akan diwujudkan dan ia hanya mengeluarkan kelengkapan itu mengikut saiz ditetapkan.

"Ini bermakna, pemilik yang ingin membesarkan pintu rumah mereka hendaklah membuat penambahan mengikut ukuran ditetapkan iaitu penambahan kepada 10 kaki jika saiz dibenarkan 5 kaki sahaja," katanya.

Menurutnya, dengan pelaksanaan sistem itu kelak masalah kekurangan tenaga kerja asing berikutan penghantaran pulang mereka, dapat diatasi.

Kerajaan, katanya, ingin memberi peluang kepada rakyat tempatan untuk maju, lagipun tugas yang sedia ada nanti tidaklah terlalu membebankan sesuai dengan kemajuan semasa.

Selain itu, beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan Pertama kerana membenarkan pembinaan rumah kos rendah sekalipun negara dilanda masalah ekonomi.

"Ia jelas membuktikan kerajaan tetap memperjuangkan hak rakyat dan peluang itu juga memberi ruang pihak swasta membabitkan diri bagi memperolehi keuntungan," katanya.

(END)